

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
11 OGOS 2016  
KHAMIS



| AKHBAR          | TAJUK BERITA                                       | M/S |
|-----------------|--|-----|
| THE STAR        | PROACTIVE MEASURES TO CREATE ROAD SAFETY AWARENESS | 2   |
| UTUSAN MALAYSIA | TINGKAT KECEKAPAN PBT                              | 3   |
| HARIAN METRO    | SLAM SEDIA 'GEGAR' SELATAN                         | 4   |
| SINAR HARIAN    | SASAR 46 SEKOLAH SERTA KADET JPJ                   | 5   |
| SINAR HARIAN    | KONSERT SLAM 3 SEPTEMBER                           | 6   |
| KOSMO           | 4,000 PEMINAT DI JANGKA HADIR                      | 7   |



# THE STAR

## Proactive measures to create road safety awareness

STAR 11/8/2016

By KATHLEEN ANN KILI  
kili@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** An average of 18 victims a day died in road accidents nationwide last year, showing a decrease from 19 and 20 deaths daily in 2014 and the previous year respectively.

In Johor alone, some 70,303 road accidents were recorded last year including 1,077 fatal cases, mostly involving motorcyclists and pillion riders.

The Road Safety Department deputy director-general Datuk Roslan Eusoff said that the department has taken a proactive approach in creating awareness on road safety, especially among students in higher education institutions and secondary schools.

"Some 63% of the accident cases in Malaysia involved motorcyclists and many of the motorcyclists are actually school and university students.

"We are going all out to educate them on road safety and rules and we will start by adopting two schools in each state yearly to create the awareness," he said during the Road Safety Campaign at SMK Kota Masai 2 here on Monday.

The campaign, jointly organised with Petron Malaysia Refining and Marketing Bhd, would include the dissemination of 100 safety jackets and helmets to students involved in the programme.

"We have adopted SMK Kota Masai 2 under our programme, as it is learnt that some 500 students ride motorcycles to school daily, most of whom do not possess a valid licence.

Through this campaign, students will not only gain more knowledge on road safety but will also be encouraged to register under the MyLesen programme to obtain their licences at a cheaper rate, he added.

Roslan said under the MyLesen



Roslan (second from left) putting on a safety vest on a student during the launching of the Road Safety Campaign in SMK Kota Masai 2. Looking on are the school's principal Rosland Yusof (right) and Petron Malaysia Safety, Security, Health and Environment manager Lokman Hani.

programme, students above the age of 16 years old, can register for a Class B2 licence for just RM299, almost 50% of the usual rates charged by driving institutions.

He noted that the participants of

the campaign would also receive a special Road Safety ambassador card to encourage them to be prudent roadusers, adding that the department was yet to identify another school in the state to conduct the campaign.





# UTUSAN MALAYSIA

Perlu patuhi lima saranan digariskan kerajaan negeri

## Tingkat kecekapan PBT

Oleh ZULHISHAM ISAHAK 11/8/16  
utusanjohor@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 10 OGOS

**K**ERAJAAN negeri menggariskan lima saranan untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) di Johor meningkatkan kecekapan sistem penyampaiannya supaya perkhidmatan yang diberi lebih berkesan, cepat serta memuaskan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perkara pertama, pembangunan modal insan harus menjadi sasaran dalam setiap perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia PBT.

"PBT memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja rajin, berintegriti dan ikhlas bekerja tetapi mereka mestilah terdiri daripada golongan pekerja yang cekap, berkemahiran tinggi serta profesional. Pekerja dalam kelas terbaik.

"Malah mereka mestilah memiliki penguasaan bahasa yang baik dan mempunyai pendedahan peringkat antarabangsa. Ini kerana mereka merupakan barisan hada-

pan atau duta kecil sistem perkhidmatan kerajaan kita," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Konvensyen Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor Sesi 2016/2017 dan Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor di sini semalam.

Mohamed Khaled berkata, saranan kedua, PBT perlu memfokuskan terhadap peningkatan inovasi dan kreativiti walaupun diakui bukan untuk merubah, mencipta dan memperkenalkan citra baharu.

Cabaran utama ujanjarnya, adalah keengganan pelbagai pihak untuk berubah dan melaksanakannya kerana lazimnya penjawat awam hanya mengikut sahaja cara kerja sebelum ini sedangkan keadaan semasa menuntut perubahan.

"Kita menerima sahaja *status quo* itu (cara lama bekerja). Kita hanya ada satu jalan iaitu melakukan perubahan kerana jika tidak, kita akan menjadi tidak relevan, kita akan tersisih dan tersasar dalam Malaysia yang berubah deras ini.

"Kalau kita semak semula kebanyakan rungutan dan ketidakpuasan hati orang awam dengan PBT atau mana-mana agensi kerajaan semuanya bersangkutan dengan budaya kerja kita. Tentang betapa ceteknya inovasi dan betapa matinya kreativiti," katanya.

Saranan ketiga katanya, PBT Johor harus mempunyai strategi pengukuhan kewangan sendiri dengan tahu potensi dan ruang untuk meningkatkan hasil pendapatan dan bukan semuanya diserahkan kepada kerajaan negeri.

Sementara keempat kata Mohamed Khaled, PBT negeri harus mewujudkan persekitaran yang lestari dalam masyarakat dan sudah menjadi satu keperluan untuk mereka membuat perancangan dan pelan tindakan strategik masing-masing.

Saranan terakhir katanya, PBT harus mempunyai sistem komunikasi yang menyeluruh dan berkesan agar segala hasrat, perancangan serta pelaksanaan kepada rakyat dapat disampaikan bagi membolehkan mereka memahami hala tuju pembangunan negeri.



**MOHAMED KHALED NORDIN** dan Pengerusi Jawatankuasa Bella, Sukan, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Zulkurnain Kamisan (dua dari kiri) berbincang tentang kandungan buku panduan *Pelan Transformasi Johor* dalam majlis Konvensyen Ahli-Ahli Majlis PBT dan Pelancaran Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT Johor di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru, kelmarin.



# HARIAN METRO

## Slam sedia 'gegar' selatan

11/8/16

**Johor Bahru:** Selepas berjaya dengan konsert 'Kurnia' di ibu negara Mei lalu, kumpulan popular, Slam, kini kembali mempersiapkan diri untuk konsert 'Dua Dekad Slam Kembali Terjalin' yang menemui peminat mereka di selatan tanah air pada 3 September ini di Stadium Tertutup Perbandaran Pasir Gudang.

Vokalisnya, Zamani memberitahu, Slam mendukung tanggungjawab yang besar dan perlu membuat persia-

pan terbaik bagi menjayakan konsert berkenaan.

Menurut Zamani, konsert yang dianjurkan Dermax Super Skin (DMS360) itu turut menampilkan vokalis kumpulan Umbrella, Zarol, sebagai penyanyi jemputan pada malam itu.

Sementara itu, penaja konsert, Datuk Seri Dr Mohamad Ruslan Shah berkata, pihaknya menjangkakan kira-kira 4,000 penonton hadir pada malam konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin.

"Lapan peratus tiket su-

dah dijual. Sasaran kami tentunya peminat Slam dari Johor dan Singapura dan ada kemungkinan tiket ditambah," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Kumpulan Slam pernah menjadi fenomena muzik era 90-an terkenal dengan lagu Gerimis Mengundang dianggotai Shah, Man, Eddie, Ajak dan Lili selain Zamani.

Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin bakal menampilkan 24 buah lagu hit kumpulan berkenaan.

Tiket bagi menyaksikan konsert itu nanti dijual dari RM73 sehingga RM353. Ia boleh didapati secara dalam talian menerusi [www.illasotickets.com](http://www.illasotickets.com).

**FAKTA**  
Harga tiket bermula dari RM73 sehingga RM353





# SINAR HARIAN

SH 11/8/2016

## Sasar 46 sekolah sertai Kadet JPJ

Matlamat penubuhan untuk dedah pelajar dengan pelbagai peraturan jalan raya, bentuk pelajar melalui pelbagai aktiviti

■ AZIZAN INCHE HARUN

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor menyasarkan sekurang-kurangnya 46 sekolah menengah di negeri ini mempunyai Kadet JPJ pada 2017 selepas dilancarkan pada tahun lalu.

Pengarahnya, Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, penubuhan Kadet JPJ Johor meningkat kepada 23 sekolah termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang sebagai pilot penubuhan, berbanding dengan hanya tiga sekolah pada tahun lalu.

Menurutnya, matlamat penubuhannya untuk membentuk pelajar melalui pelbagai aktiviti bagi meningkatkan disiplin diri, membina semangat kerjasama dan patriotisme, se-

lain memberi pendedahan mengenai peraturan jalan raya.

"Seramai 280 ahli Kadet JPJ telah didaftarkan pada tahun lepas yang mana 210 ahli dari SMK Pasir Gudang, manakala 35 ahli dari SMK Sri Medan dan 35 ahli lagi dari SMK Tun Hussein.

"Kita mahu pelajar bukan sahaja mempunyai semangat cintakan JPJ dan negara, malah turut memiliki semangat kesukarelaan yang ada sikap membantu tanpa dipaksa dan perpaduan tanpa mengira kaum serta agama," katanya pada Majlis Pelancaran Kadet JPJ 2016 Peringkat Negeri Johor, di sini, semalam.

Mohd Rusdi berkata, JPJ turut mempunyai inisiatif lain bagi memastikan pelajar mematuhi undang-undang jalan raya ekoran lebih 60

peratus kemalangan me-

libatkan kematian membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

Tambahnya, JPJ memperkenalkan myLESEN untuk menawarkan lesen kelas B2 kepada pelajar yang berumur 16 tahun ke atas dengan harga subsidi sebanyak RM299, selepas mendapati majoritinya menunggang motosikal ke sekolah tanpa lesen.

"Kita tak nak terlalu keras memberi kesedaran kepada mereka (pelajar) kerana ada yang terpaksa ke sekolah menunggang motosikal kerana tiada kemudahan bas sekolah atau pengangkutan awam.

"Sebab itu kita mendekati pelajar melalui pendidikan sama ada program ceramah, kempen dan pameran dalam memberi kesedaran mengenai undang-undang jalan raya kepada mereka," katanya.



Mohd Rusdi menyampaikan sijil penubuhan Kadet JPJ kepada pengetua sekolah sempena Majlis Pelancaran Kadet JPJ 2016 Peringkat Negeri Johor, semalam.



# SINAR HARIAN

SH 11/8/2016

## Konsert Slam 3 September

Zamani janjikan persembahan terbaik, sebanyak 24 lagu hit akan didendangkan untuk tatapan peminat Johor

■ AZIZAN INCHE HARUN

**JOHORBAHRU** - Kumpulan Slam yakin masih mempunyai peminat setia untuk menyokong Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin Bersama DMS yang akan diadakan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) pada 3 September depan.

Vokalisnya, Zamani Ibrahim berkata, sebanyak 24 lagu hit Slam akan dipersembahkan dan diberikan susunan muzik yang baharu antaranya Rindiani, Surat dan Memori Cinta Semalam.

Menurutnya, konsert yang bermula pada jam 8.30 malam hingga 12.30 tengah malam itu merupakan tanda penghargaan kepada peminat Slam yang sentiasa menyokong perjalanan seni kumpulan berkenaan.

"Kami sedang menjalani latihan yang telah masuk minggu kedua kerana kami mahu sajikan persembahan terbaik buat peminat yang tetap setia menyokong kami dari awal penubuhan sekitar 1996 sehingga kini," katanya pada sidang media di Hotel Grand Paragon, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengasas DMS 360, Datuk Seri Dr Mohamad Ruslan

Shah yang merupakan penaja utama Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin Bersama DMS.

Sementara itu, Mohamad Ruslan berkata, beliau menyasarkan warga Johor dan Singapura daripada 4,000 penonton yang akan hadir.

Katanya, laporan diterima daripada pihak pemasaran Mewah Event Management yang dilantik sangat positif apabila sebanyak 68 peratus tiket dari harga RM73 sehingga RM353 telah berjaya dijual.

"Dalam tempoh tak sampai sebulan sahaja lagi ini kita harapkan jualanrnya akan sukses," katanya.



Zamani (dua, kanan) bersama Mohamad Ruslan (tiga, kanan) pada sidang media Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin Bersama DMS, semalam.





# KOSMO

Kosmo 11/8/2016

Konsert Dua Dekad Slam bakal gegar Pasir Gudang 3 September ini

## 4,000 peminat dijangka hadir

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

**JOHOR BAHRU** – Seramai 4,000 penonton dijangka menghadiri Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin yang akan diadakan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang di sini pada 3 September ini.

Penganjur konsert yang juga pengasas produk kecantikan DMS 360, Datuk Seri Roslan Shah berkata, sebanyak 65 peratus tiket terjual melalui portal serta laman Facebook rasmi konsert tersebut sejak ia dijual sejak sebulan lalu.

"Biarpun ada yang mengatakan lokasi konsert tersebut agak jauh dari pusat bandar Johor Bahru, jualan tiket setakat ini memberangsangkan. "Kami yakin mampu



mencapai sasaran penonton di selatan tanah air ini khususnya peminat dari Johor dan Singapura berikutan sebelum ini kita hanya menganjurkan konsert di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar konsert tersebut di sini semalam.

Sementara itu, vokalis kumpulan Slam, Zamani Ibrahim berkata, konsert kali ini merupakan sesuatu yang istimewa kerana ia mengembalikan kegemilangan Slam sejak bertapak selama 20 tahun dalam industri seni muzik tanah air.

"Pada konsert kali ini, kami jangka sebanyak 25 buah lagu akan dinyanyikan. Tidak banyak perubahan yang akan dibawakan kerana kami ingin membangkitkan nostalgia kepada peminat.

"Mungkin susunan muzik sahaja akan diberi nafas baharu namun ia tetap mengekalkan melodi setiap lagu yang akan dipersembahkan nanti," katanya.

Zamani menambah, persiapan konsert kini berada pada tahap memberangsangkan dengan baki tempoh sebelum konsert berlangsung akan digunakan semaksimal mungkin untuk memberikan yang terbaik kepada peminat.

Tiket konsert yang dijual pada harga RM73



ZAMANI (dua dari kanan) dan ahli kumpulan Slam bergambar bersama Roslan (tiga dari kanan) pada sidang akhbar Konsert Dua Dekad Slam Kembali Terjalin di Johor Bahru semalam.

sehingga RM353 boleh web [www.ilasotickets.com](http://www.ilasotickets.com) atau melayari laman [www.facebook.com/slam-kembaliiterjalin](http://www.facebook.com/slam-kembaliiterjalin).

